

Sementara itu Presiden Miguel dalam ucapan beliau dalam bahasa Sepanyol mengucapkan jutaan terima kasih kerana UUM telah sudi menghantar tiga orang pelajar ke UCOL dan berjanji akan menghantar pelajar UCOL ke UUM dalam masa terdekat.

Beliau juga berharap ketiga-tiga pelajar UUM yang sedang mengikuti program pertukaran pelajar di universiti itu akan fasih berbahasa Sepanyol setelah tamat satu semester selama lima bulan di Colima.

Sebelum mengakhiri ucapannya, beliau berharap semua bentuk kerjasama dalam ucapan Dr Razli dapat diterjemahkan terutama dalam program ijazah berkembar seperti yang telah dibincangkan di Bangkok dalam program UMAP sebelum ini.

Sementara itu tiga orang pelajar UUM, Mohd Naim Mazlan, Mass Idayu Ahmad dan Wan Nurul Shafawati Wan Ahmad amat bergembira berada di Colima, Mexico, dan telah ditempatkan di rumah keluarga angkat masing-masing supaya dapat mendalami cara hidup, budaya dan kemahiran bahasa Sepanyol yang diamalkan oleh keluarga angkat mereka di sana.

Mereka melahirkan ucapan terima kasih kepada UUM yang telah memilih mereka bertiga serta penganjur kewangan utama iaitu Kementerian Pengajian Tinggi dan UUM, serta memuji usaha pejabat CIAC yang menjamin kejayaan pertukaran pelajar di bawah UMAP dapat dilakukan.

HABIS

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my